AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : COVID-19



SEBAHAGIAN dari 300 pekerja Top Glove yang dibawa keluar oleh petugas kesihatan berikutan penularan wabak COVID-19 di Asrama Pekerja Top Glove Meru Klang, semalam.

PASAR Borong Kuala Lumpur kini berwajah baharu dengan penghasilan mural dan grafiti daripada pelukis tempatan dengan tema Sayang Pasar Borong Kita di Pasar Borong Kuala Lumpur. Seramai 47 peserta dalam kalangan pelukis yang kehilangan punca pendapatan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menghasilkan karya berkenaan.

Jalani ujian calitan 3 hari sebelum berlepas dari Sabah

Kuala Lumpur: Pengembara yang tiba dari Sabah hanya perlu menjalani ujian calitan Covid-19 tiga hari sebelum berlepas dari Sabah ke negeri lain di seluruh negara bermula hari ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, jika individu berkaitan positif ujian pengesanan Covid-19 atau bergejala, mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan keluar dari Sabah.

"Bagi yang positif Covid-19, mereka akan dirujuk ke hospital untuk isolasi, rawatan dan pemantauan. Bagi individu yang bergejala, mereka akan dirujuk untuk menjalani pemeriksaan.

"Seterusnya bagi pengembara yang dibenarkan meneruskan perjalanan keluar dari Sabah, mereka akan melalui saringan demam dan gejala, pemeriksaan laporan ujian calitan pengesanan Covid-19 serta diwajibkan penggunaan MySejahtera setibanya di pintu masuk negara di Semenanjung, Sarawak dan Labuan," katanya semalam.

Beliau berkata, jika individu tidak bergejala dan laporan ujian makmal Covid-19 disahkan negatif, pengembara ini tidak lagi perlu menjalani kuarantin wajib 14 hari.

"Berdasarkan penilaian risiko yang dijalankan ke atas situasi kes Covid- 19 di Malaysia, jumlah kes menunjukkan trend penurunan bagi Sabah berbanding trend yang dilaporkan di negeri lain, terutama di sekitar Lembah Klang.

"Mengambil kira situasi semasa ini dan selepas satu bulan setengah pelaksanaannya, semakan semula ke atas prosedur saringan Covid-19 serta prosedur kuarantin wajib bagi mereka yang tiba dari Sabah di pintu masuk negara akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

Bagi yang positif Covid-19, mereka akan dirujuk ke hospital untuk isolasi, rawatan dan pemantauan. Bagi individu yang bergejala, mereka akan dirujuk untuk menjalani pemeriksaan"

Dr Adham Baba

329 ditahan langgar SOP PKPB

Kuala Lumpur: Seramai 329 individu ditahan kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negara kelmarin.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, 311 individu dikompaun, lima individu direman dan 13 individu dijamin.

"Antara kesalahannya ialah gagal mematuhi penjarakan sosial, tidak memakai pelitup muka dan rentas daerah," katanya pada kenyataan, semalam.

Kesalahan direkodkan membabitkan 131 kes tidak memakai pelitup muka, gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (59), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (50), rentas negeri atau daerah PKPB tanpa kebenaran (38) dan 51 bagi lain-lain.

Ismail Sabri berkata, pasukan operasi pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga membuat 57,256 pemeriksaan kelmarin bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Sebanyak 2,945 pasukan pematuhan membabitkan 13,721 anggota membuat pemantauan di 3,751 pasar raya, 5,066 restoran dan 1,667 penjaja, 1,392 kilang, 3,526 bank serta 598 pejabat kerajaan.

"Juga dipantau ialah 969 terminal pengangkutan darat, 233 terminal pengangkutan air serta 82 terminal pengangkutan udara," katanya.

Sementara itu, menerusi Op Benteng, Ismail Sabri berkata, pihak berkuasa menahan 88 pendatang asing tanpa izin (Pati), lima tekong selain merampas 13 kenderaan darat.

"Sebanyak 261 Sekatan Jalan Raya (SJR) Op Benteng dilaksanakan.

"Orang ramai diminta menghubungi talian *National Task Force* (NTF) di 011 6251 1223 untuk menyalurkan maklumat berkaitan Pati dan jenayah rentas sempadan," katanya.

Banjir boleh pengaruhi kes Covid-19

Kota Bharu: Kejadian banjir di Kelantan mampu mempengaruhi jumlah kes Covid-19 di negeri itu, menurut Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin.

"Jumlah kes Covid-19 di Kelantan dijangka tidak akan meningkat sekiranya negeri ini tidak dilanda banjir besar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dr Zaini berkata, sekiranya banjir besar berlaku, jumlah mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS) akan bertambah dan keadaan itu berisiko menyebabkan penularan wabak.

Bagaimanapun, katanya, pihak JKNK bersama agensi terbabit yang ditugaskan di PPS diarahkan supaya sentiasa bersedia berhadapan dengan kemungkinan berkenaan.

"Kita mahu semua pihak sama ada mangsa dan petugas sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan agar penularan Covid-19 di PPS dapat dielakkan," katanya.

- Bernama